



RUMAH PENGHULU ABU SEMAN YANG LAMA DIKELEK, YANG BAHARU DIDUKUNG

Malaysia sangat terkenal sebagai sebuah negara berbilang kaum dan etnik yang semestinya mempunyai selok-belok budaya yang pelbagai. Kepelbagaian kaum dan etnik yang terdapat di negara kita ini dizahirkan dengan kepelbagaian agama, bahasa, adat, perayaan, pakaian tradisional dan sebagainya.

Satu daripada aspek budaya yang terkenal di Malaysia ialah seni bina rumah tradisional Melayu. Selain peluang berkunjung ke bangunan moden yang menjadi kebanggaan kita seperti Menara Berkembar Petronas (KLCC), Menara Kuala Lumpur, dan Menara Merdeka 118, para pelancong dan pengunjung tempatan juga boleh menikmati hasil seni bina rumah tradisional Melayu warisan turun-temurun kita.

Keunikan seni bina rumah tradisional Melayu di Malaysia bukan

sahaja mewakili pecahan identiti kaum dan etniknya, tetapi kesenian seni bina juga disampaikan secara turun-temurun sama seperti seni budaya lain dan jejak seni bina rumah tradisional Melayu ini masih boleh dilihat di negara kita.

Seiring dengan peredaran zaman dan urbanisasi penduduk kini, ramai dalam kalangan generasi muda sekarang terutamanya kaum Melayu tidak lagi mengenal ciri-ciri bentuk sebenar rumah tradisional Melayu pada zaman dahulu. Kini reka bentuk rumah zaman sekarang sudah jauh berbeza berbanding zaman dahulu. Namun begitu, keutuhan dan kekuatan seni bina zaman dahulu menyelamatkan khazanah turun-temurun ini untuk tatapan generasi sekarang dan akan datang.

Disambut mesra oleh Rosmiza, Eksekutif Kanan di Badan Warisan

Malaysia, iaitu sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) membawa penulis ke Rumah Penghulu Abu Seman atau lebih dikenali sebagai Rumah Penghulu untuk pertama kalinya. Rumah Penghulu merupakan sebuah rumah lama peninggalan seorang penghulu kampung yang bernama Abu Seman bin Nayan yang berasal dari Mukim Bagan Samak, Bandar Baharu, Kedah sekitar abad ke-19. Setelah Abu Seman meninggal dunia, rumah dan pangkat penghulu kampung ini telah diwarisi oleh anak lelakinya yang bernama Ibrahim. Namun sayangnya, rumah ini akhirnya terbiar selama hampir 15 tahun setelah Ibrahim meninggal dunia.

Walau bagaimanapun, Badan Warisan Malaysia mengambil langkah bernas dengan membeli rumah penghulu ini daripada waris Ibrahim pada tahun 1995 di Kedah. Pada tahun

berikutnya pula, Badan Warisan Malaysia membuat keputusan untuk memindahkan struktur Rumah Penghulu ini ke Kuala Lumpur dengan perbezaan jarak sejauh 400 kilometer dari tapak asal.

Sebab utama pemindahan tapak Rumah Penghulu ini ialah untuk memelihara, memulihara, proses baik pulih dan pengabdian buat tatapan generasi akan datang, di samping lokasi Badan Warisan Malaysia sendiri yang berpusat di Kuala Lumpur. Pemindahan tapak ini juga memudahkan proses penjagaan dan juga promosi seni bina rumah tradisional Melayu kepada para pelancong yang lazimnya tertumpu di ibu negara Malaysia, iaitu Kuala Lumpur.

Proses pemindahan ini bukanlah semudah yang digambarkan. Sebelum struktur-struktur Rumah Penghulu dicabut dan dipindahkan, kerja-kerja membaik pulih struktur rumah terbiar ini harus dilakukan terlebih dahulu agar proses pemindahan dan pembinaan semula struktur penuh rumah itu berjalan dengan lancar. Bahagian struktur kayu rumah yang sudah rosak diganti baharu dengan jenis kayu yang sama digunakan

semasa pembinaan rumah asal.

Rumah ini menggunakan gabungan beberapa jenis kayu yang kebiasaannya digunakan untuk mendirikan rumah Melayu lama, iaitu durian, medang, meranti merah dan cengal. Kayu yang digunakan juga mempunyai jenis dan ketumpatan berbeza untuk sesebuah rumah tradisional Melayu, merangkumi *softwood*, *medium hardwood* dan *hardwood*. Pemilihan jenis kayu ini mempunyai fungsi yang tersendiri. *Softwood* digunakan untuk ukiran, manakala *medium hardwood* digunakan untuk lantai dan *hardwood* pula digunakan untuk pembinaan keseluruhan struktur rumah.

Pertama kali melangkah masuk ke dalam Rumah Penghulu, terdetik dalam hati penulis betapa bijaksana masyarakat Melayu lampau yang mampu mempelopori dan menerapkan ilmu sains serta ilmu agama Islam dalam seni binanya. Selain itu, setiap seni binanya juga mempunyai mesej tersendiri yang bukan sahaja boleh dimanfaatkan oleh penghuni, bahkan tetamunya juga.



Duit syiling pada tiang seri berdasarkan sumber daripada Badan Warisan Malaysia.



Berbicara tentang seni bina rumah tradisional orang Melayu, tiang seri disebut sebagai

elemen penting yang sering didapati pada seni bina kebanyakan rumah tradisional Melayu. Semasa proses pemindahan tapak rumah ini, tiang seri bagi Rumah Penghulu ini dikenal pasti berdasarkan penemuan duit syiling Negeri-Negeri Selat tahun 1916 di antara tiang dengan tapak tiang kayu yang membezakannya dengan tiang-tiang yang lain.

Duit syiling tahun 1916 yang asal tetap dikekalkan kedudukannya pada tiang seri itu dan sekeping duit syiling

RM1 tahun 1996 ditambah semasa pemasangan semula rumah penghulu ini di lokasi baharu. Pembinaan tiang-tiang yang lebih tinggi sebagai tapak Rumah Penghulu bertujuan untuk pengudaraan keseluruhan rumah, persediaan banjir, mengelakkan daripada haiwan berbahaya dan juga dijadikan sebagai ruangan bekerja.

Adab sopan usah dipinggirkan kendatipun zaman berganti. Seni bina



Beranda atau disebut juga sebagai balai di Rumah Penghulu.



Sampel kayu.



Pejabat Abu Seman yang juga dijadikan lokap sementara.



Ruang pejabat Rumah Penghulu yang dijadikan sebagai lokap ketika perbicaraan sedang berlangsung di ruang balai.

pintu gerbang Rumah Penghulu yang direka lebih rendah berbanding ketinggian fizikal biasa seseorang mewajarkan tetamu yang datang menundukkan kepala sedikit sebelum melangkah masuk sebagai tanda hormat dan adab tetamu kepada tuan rumah. Melempi pintu masuk Rumah Penghulu, pengunjung akan melalui bahagian pertama rumah tersebut yang memisahkan bahagian luar dan bahagian dalam rumah tersebut, iaitu beranda yang dibina sekitar era 1930-an.

Beranda di Rumah Penghulu ini turut dikenali sebagai ruang balai tempat untuk tuan rumah melayan tetamu serta berfungsi sebagai mahkamah atau tempat perbicaraan untuk sesuatu kesalahan yang perlu diadili oleh ketua kampung. Sewaktu perbicaraan berlangsung, pesalah akan ditempatkan di dalam pejabat penghulu atau lokap sementara sehingga perbicaraan itu selesai. Jarang ditemui reka bentuk beranda yang dijadikan sebagai fungsi balai

pada rumah tradisional Melayu. Itulah satu daripada keunikan yang ada pada Rumah Penghulu Abu Seman.

Seterusnya, pengunjung boleh melawat ke bahagian “rumah ibu” yang dibina pada tahun 1910-an. Rumah ibu ialah bahagian paling penting, tinggi dan besar dalam sesebuah rumah berbanding bahagian lain. Di dalam Rumah



Ukiran bulan dan bintang sebagai arah kiblat.

Penghulu, rumah ibu merangkumi ruang tamu dan juga dua buah bilik tidur. Ruang ini lazimnya digunakan untuk semua acara rasmi keluarga. Pelancong yang datang akan didedahkan dengan penerangan tentang alatan tradisional untuk perkahwinan Melayu seperti tepak sirih, bunga telur, bunga manggar dan pelamin.

Keunikan lain yang terdapat di ruang ini ialah ukiran bulan dan bintang pada siling atas yang menandakan arah kiblat rumah tersebut. Hal ini sedikit sebanyak secara tidak langsung dapat

membantu dalam menyampaikan pemahaman tentang agama Islam kepada pelancong bukan Islam. Selain itu, tiang seri yang terletak di rumah ibu ini juga diletakkan tiga lapisan kain yang berwarna merah (keberanian), putih (kesucian) dan hitam (kuasa misteri). Kain ini diletakkan di atas tiang untuk menghalang dan menjaga penghuni rumah daripada gangguan makhluk halus.

Di samping itu, kedua-dua bilik yang terdapat di dalam ruang ini dipisahkan dengan langsir untuk mewujudkan ruang peribadi penghuni. Kedudukan loteng pada bahagian atas sesebuah bilik itu yang membezakan bilik utama berbanding bilik yang lain. Loteng ini digunakan sebagai tempat penyimpanan barang dan tempat persembunyian.

Menuruni satu anak tangga di bahagian belakang, pengunjung



Bilik utama di Rumah Penghulu.



Kain berwarna merah, putih dan hitam pada tiang seri untuk menghalang dan menjaga penghuni rumah daripada gangguan halus.

akan melalui bahagian selang, iaitu bahagian pemisah antara rumah ibu dengan rumah tengah.

Di ruang ini jugalah terletaknya pintu masuk kedua untuk memudahkan

pergerakan keluar masuk kaum wanita dan kanak-kanak ketika berlangsungnya acara rasmi di rumah ibu bagi mengelakkan gangguan sepanjang acara berlangsung. Antara keunikan bahagian selang ini ialah reka bentuk saiz anak tangganya yang lebih kecil dan bersaiz kaki wanita

sebagai langkah keselamatan. Jika kaum lelaki menggunakan anak tangga ini, mereka perlu mengiringkan kedudukan kaki kerana kebiasaannya saiz tapak kaki mereka lebih besar.

Siling yang direka bentuk secara terbuka yang mendedahkan bumbung tanah liat dinamakan sebagai "rumah tengah" yang dibina sekitar era 1920-an. Ruangan ini direka bentuk lebih ringkas dan sederhana. Di ruangan inilah kaum wanita dan kanak-kanak banyak menghabiskan waktu untuk berkumpul, makan dan bermain. Selain itu, di ruang ini juga para pelancong akan didedahkan tentang permainan tradisional kaum Melayu seperti congkak dan batu seremban serta diajar tentang budaya Melayu yang lain seperti duduk bersila dan makan menggunakan tangan.

Seterusnya, bahagian yang wajib ada pada setiap rumah ialah dapur. Pada zaman dahulu, dapur dianggap sebagai bahagian penting oleh kaum wanita kerana majoriti daripada mereka ialah suri rumah. Mereka banyak menghabiskan masa di dapur bagi penyediaan makanan untuk keluarga. Di dapur Rumah Penghulu, pelancong akan melihat alatan yang biasa digunakan untuk memasak seperti batu giling, lesung batu, pengukur kelapa dan batu kisar di samping diajar cara penggunaan

alatan-alatan ini dan fungsinya. Di dapur ini juga terdapat pintu untuk masuk ke ruangan bahagian belakang rumah.

Di bahagian belakang rumah ini terdapat tempat untuk bercucuk tanam. Menariknya di sekeliling kawasan Rumah Penghulu, terdapat lebih 50 jenis tanaman yang ditanam oleh Badan Warisan Malaysia. Inisiatif ini bukan sahaja mengindahkan pemandangan, malah pelancong juga didedahkan tentang jenis tanaman dan kelebihannya ditanam di situ. Antaranya termasuklah tanaman yang digunakan untuk masakan seperti pandan, pokok kari, halia, dan kantan serta pokok getah, merbau, gelam dan banyak lagi.

Usaha murni Badan Warisan Malaysia bagi mempromosikan Rumah Penghulu Abu Seman ini diperhebat dengan penyediaan program untuk pelancong dan juga pengunjung tempatan. Program berbayar ini dikelaskan kepada dua kumpulan yang berbeza, iaitu kanak-kanak dan dewasa. Di samping itu, perkhidmatan pemandu pelancong ke Rumah Penghulu Abu Seman juga disediakan oleh Badan Warisan Malaysia pada setiap hari Selasa hingga Jumaat, pukul 3.00 petang sahaja dengan caj minimum sebanyak RM10 seorang.

Kesimpulannya, khazanah Melayu dan nilai estetikanya wajar dikekalkan dan dipelihara supaya dapat dinikmati oleh generasi seterusnya, di samping memberi nilai tambah kepada industri pelancongan kita. Sejarah khazanah ini mungkin boleh disampaikan menerusi penceritaan secara turun-temurun, tetapi lebih bagus jika dapat dizahirkan untuk tatapan anak cucu kita selain bangunan-bangunan moden yang berdiri gah pada zaman kini. Bak kata pepatah, "yang lama dikekalkan, yang baharu didukung". **DB**



Loteng di bilik utama Rumah Penghulu yang dijadikan tempat penyimpanan makanan dan tempat persembunyian.



BIL 05/2023



Bilik kedua di Rumah Penghulu.